MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 15 MAC 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-000-L41899
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kos penjagaan kesihatan negara ini dapat dikurangkan melalui pelaksanaan Skim Penjagaan Kesihatan Nasional 1Care bagi meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan Kerajaan dan swasta mengikut pilihan tanpa mengambil kira status kewangan.

2. PR-000-L41909
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran perbelanjaan Mass Rail Transit (MRT) bersepadu di Lembah Klang, peringkat dan tempoh pelaksanaannya serta syarikat-syarikat yang mengemukakan tender atau terlibat dengan MRT ini. Apakah masalah-masalahnya.

3. PR-000-L41350
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Apakah *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi pengurusan di semua empangan air dalam negara dan apakah perancangan, langkah-langkah dan persiapan seterusnya khususnya dalam mengawal kejadian banjir buruk.

4. PR-000-L41735
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan rumah kebajikan di negara ini dan berapakah antaranya tidak berdaftar dengan Kementerian. Nyatakan jumlah kes jenayah seksual ke atas kanak-kanak di rumah kebajikan dan langkah mengatasi masalah ini.

5. PR-000-L42716
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan pelajar Malaysia yang dihantar ke luar negara dalam jurusan perubatan dan berapakah jumlah kos.

6. PR-000- L41820
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-

(a) tentang laporan akhbar bahawa kontrak pengiklanan dan promosi 2011 (bagi pasaran domestik dan peristiwa) telah diberikan kepada Impact Creations Sdn. Bhd. menerusi sahabat Menteri bernama Juni Ewe, Pengarah Urusan Impact Challenger Sdn Bhd; dan

(b) apakah kontrak pengiklanan bagi ASEAN diberikan kepada Naga DDB Sdn Bhd juga mengikut laluan politik menerusi pengarah urusannya, Datuk Vincent Lee Fook Long, yang merupakan Pengarah Bukan Eksekutif akhbar The Star milikan MCA.

7. PR-000-L41502
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan peratusan pelajar-pelajar dari sekolah sukan yang terlibat dalam acara sukan negeri/negara atau antarabangsa.

8. PR-000-L42775
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil lawatan rasmi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ke Hong Kong baru-baru ini, nyatakan senarai peserta delegasi serta kos secara terperinci untuk lawatan tersebut.

9. PR-000-L42264
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setakat ini berapakah jumlah tentera Malaysia yang terlibat dalam misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dihantar ke luar negara.

10. PR-000-L42928
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan tonik tanaman padi yang disyorkan penggunaannya kepada pesawah dan apakah Kementerian membuat kajian yang terperinci sebelum membekalkannya kepada pesawah.

11. PR-000-L41957
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hasil yang diperolehi oleh Kementerian daripada makmal gaji minimum negara yang telah diadakan baru-baru ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan cadangan-cadangan makmal tersebut.

12. PR-000-L42722
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pertikaian kehilangan RM52 bilion dari pegangan ekuiti Melayu dan bagaimana prestasi EKUINAS bagi memacu kembali pegangan ekuiti Melayu.

13. PR-000-L41289
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) berbanding jumlah Pelaburan Dalam Negara Secara Langsung (DDI) sepanjang tempoh lima tahun yang lalu hingga kini mengikut negeri.

14. PR-000-L41941
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kejayaan Program Latihan Khidmat Negara, kos tahunan yang terlibat, elaun yang dibayar kepada setiap pelatih, dan mengapa semua ahli pasukan dihukum atas kesalahan seorang pelatih.

15. PR-000-L42821
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan senarai projek pembinaan sekolah dan program pendidikan yang akan dilaksanakan:-

(a) mengikut perancangan sepanjang Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10) di Sabah; dan

(b) SMK Gum-Gum 11, adakah tersenarai dalam RKM-10, kalau ada, bila dilaksanakan.

16. PR-000-L41138
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisma yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan pendapatan rakyat dan pada masa yang sama negara mengalami kenaikan harga bagi barangan keperluan asas.

17. PR-000-L42043
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah pendaftaran kemiskinan di bawah sistem e-Kasih telah mendapat rungutan daripada berbagai pihak . Apakah masalah yang sebenarnya, agar sebarang kekeliruan dapat difahami di semua peringkat.

18. PR-000-L42679
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan trend-trend masakini di mana mahkamah telah mengenakan denda yang tidak setimpal terhadap kes-kes melibatkan manipulasi pasaran saham, pengumuman kenyataan yang tidak benar/palsu oleh pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang sekuriti yang sedia ada dengan mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap jenayah kolar putih ini.

19. PR-000-L42072
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi dan langkah Kerajaan bagi meningkat dan mencambahkan lagi jumlah dan kepakaran syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana dalam industri aeroangkasa negara.

20. PR-000-L42106
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan formula dan kriteria yang digunakan oleh Kementerian dalam menentukan gaji minimum untuk sesuatu industri.

21. PR-000-L42880
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) pengkhususan secara realistik dalam mencapai agenda penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan tumpuan Kerajaan dalam mengangkat tahap kecapaian ekonomi Bumiputera terutamanya dari negeri Sabah dan luar bandar khususnya; dan

(b) apakah kayu ukur dalam memastikan kejayaan Kerajaan melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya di seluruh negara.

22. PR-000-L42556
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan permintaan untuk membuka balik Sekolah Menengah Persendirian Cina di Kuantan dan Segamat. Sama ada Kerajaan pusat akan membenarkan pembukaan dan penubuhan SMPC yang baru.

23. PR-000-L41886
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapakah bantuan kebajikan yang telah diberi di bawah Skim Cari di Sabah lambat dibayar dan banyak yang diberhentikan.

24. PR-000-L42327
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama-nama syarikat yang mendapat kontrak untuk mencetak mata wang Malaysia dan adakah Bank Negara melayan broker atau agen daripada syarikat-syarikat untuk mendapatkan kontrak.

25. PR-000-L41156
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana benarnya dakwaan sebuah badan kajian antarabangsa yang menyebut lebih RM8 bilion disalur / seludup keluar negara secara haram sejak awal tahun 2000 lagi walaupun Kerajaan telah mengetatkan kawalan keluar masuk wang negara. Apakah sebab ia boleh berlaku.

26. PR-000-L42216
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengapakah tidak ada bantuan diberikan kepada daerah Kudat di Sabah untuk meningkatkan industri pelancongan dan ekonomi kerana tempat tersebut mempunyai potensi yang tinggi dengan alam sekitar dan pulau-pulau yang indah.

27. PR-000-L41377
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan memantau isu kebocoran maklumat sulit menerusi laman WikiLeaks yang membabitkan penyaluran keluar pelbagai rahsia di beberapa negara.

28. PR-000-L42159
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kamera pengesan lalu lintas yang telah dibeli oleh JPJ untuk operasi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

29. PR-000-L42916
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membuka semula Tabung Ekonomi Belia (STEB) yang telah ditutup buat sementara waktu beberapa tahun yang lalu; dan

(b) apakah punca utama tabung ini ditutup.

30. PR-000-L42789
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menolak penggunaan dakwat kekal tanpa memberikan alasan yang kukuh.

31. PR-000-L41640
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah dalam ringgit Malaysia subsidi gas untuk kesemua penjana elektrik untuk TNB, termasuk IPP dalam masa setiap tahun *(annual subsidy on gas for TNB).*

32. PR-000-L42453
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah di daerah Manjung 5 tahun kebelakangan ini dan berapa jumlah daripada kes-kes tersebut telah disiasat dan didakwa di mahkamah.

33. PR-000-L43083
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah projek menaik taraf jalan dari Felda Taib Andak ke Felda Inas Kulai dilaksanakan demi kepentingan penduduk di antara Kulai dan Bandar Tenggara.

34. PR-000-L41474
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap pemberian taraf kewarganegaraan kepada rakyat asing. Apakah syarat-syarat utama yang dipertimbangkan bagi memberikan mereka taraf kerakyatan dan penduduk tetap.

35. PR-000-L41688
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi mempercepatkan pemprosesan MyKad terutama di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak di mana rakyatnya menghadapi kesukaran pengangkutan untuk berulang-alik ke pekan berhampiran.

36. PR-000-L42870
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah purata Unit Production Cost (UPC) bagi semua medan minyak di Malaysia bagi tahun 2010.

37. PR-000-L41986
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status pembinaan cawangan Universiti Teknologi Mara di Mukah dalam Rancangan Malaysia ke-10.

38. PR-000-L42452
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah udara dan air di kawasan Manjung tercemar dan apakah sumber-sumber utama pencemaran tersebut.

39. PR-000-L41602
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan dalam isu pembelian 257 kereta perisai (APC) dengan harga 3 kali ganda melalui DRB HICOM Defence Technologies Sdn Bhd.

40. PR-000-L41559
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status penggunaan Bantuan Segera Ahli Parlimen, Skim Bantuan Persekutuan bagi kawasan Parlimen Seremban tahun 2008 hingga 2010:-

(a) pihak manakah yang dimandatkan oleh Kementerian untuk mengendalikan peruntukan kebajikan segera ini; dan

(b) berikan senarai nama yang telah menerima bantuan kebajikan segera ini dalam tempoh 2008 - 2010.

41. PR-000-L41542
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah hartanah milik Kerajaan di luar negara serta berapakah kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan untuk menyelenggara hartanah ini.

42. PR-000-L42572
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah yang menyebabkan Kerajaan masih ingin menggunakan Novel Interlok bagi tingkatan 5.

43. PR-000-L41930
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan ada cadangan untuk menaik taraf Stesen Kereta Api Arau, Perlis memandangkan ia akan menjadi salah satu gerbang utama kepada negara ini di sebelah utara setelah projek landasan berkembar siap sepenuhnya, dan bagaimana ianya akan dapat memberi manfaat kepada rakyat negeri Perlis memandangkan ia akan menjadi nadi penghubung utama kepada jalinan kereta api di utara Semenanjung.

44. PR-000-L41950
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) jumlah aduan diterima oleh Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) melalui SMS dan HOTLINE dari tahun 2005 hingga tahun 2010 dan di antaranya berapa aduan telah diambil tindakan; dan

(b) antaranya berapa aduan yang telah diambil tindakan, berapa buah syarikat dan bilangan orang pemandu yang telah dihadapkan ke mahkamah.

45. PR-000-L42717
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan ucapan terima kasih kepada YAB Menteri yang telah mengambil langkah kanan untuk mencari penyelesaian yang munasabah terhadap novel sastera 'Interlok'. Apakah tindakan yang di rancang oleh Kementerian supaya masalah seumpama ini dapat dikurangkan atau tidak wujud sama sekali pada masa yang akan datang

46. PR-000-L43061
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan reformasi atau transformasi di institut Parlimen dan Suruhanjaya Pilihan Raya. Kenapa Kerajaan enggan mengadakan sistem jawatankuasa (committee system) dalam Parlimen kita supaya Ahli Parlimen diberikan tugas untuk membuat keputusan dalam penggubalan dasar negara.

47. PR-000-L42602
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang melarang semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada mengeluarkan permit pemasangan papan tanda dan kain rentang di semua jejantas bagi menjaga keselamatan dan mengelakkan jenayah ke atas pengguna jejantas.

48. PR-000-L41563
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mencapai sasaran setiap rakyat mendapat bekalan air bersih.

49. PR-000-L42955
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan dapatkah Kerajaan melaksanaan kerja-kerja *'dredging'* muara dan sepanjang Sungai Limbang memandangkan ia semakin cetek dan boleh menyebabkan pekan Limbang banjir apabila hujan dan air pasang bertembung.

50. PR-000-L41584
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Talent Corporation ditubuhkan untuk menarik warganegara Malaysia profesional, berkebolehan dan berkemahiran tinggi yang berada di luar negeri balik ke Malaysia, apakah pencapaiannya sehingga kini, masalah-masalah dan halangan yang dihadapi dan apakah faedah-faedah yang ditawarkan kepada mereka.

51. PR-000-L41438
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesahihan laporan berita tempatan pada 8 Februari 2011 di mana seorang individu yang dilahirkan di Filipina, dibawa ke Sabah pada tahun 1962 dan kini sebagai rakyat Malaysia dan bekas tahanan ISA ditabalkan sebagai "Sultan Sulu". Adakah ini tidak menggugat keselamatan negara dan apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini.

52. PR-000-L41271
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berlakunya penyelewengan akidah dan bertambahnya kes jenayah di kalangan belia hari ini menunjukkan gagal dan tidak berjaya/berkesan Pendidikan Islam (Agama Islam) di sekolah-sekolah. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi perkara ini bagi menambah baik lagi keberkesanan P&P Pendidikan Islam di sekolah-sekolah.

53. PR-000-L41171
Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan rangkaian jalan yang termasuk dalam RMK 10 untuk dilaksanakan di kawasan P.179 Ranau.

54. PR-000-L42359
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan syarikat-syarikat yang memperolehi kontrak pembekalan peralatan perubatan kepada hospital di Malaysia dengan jumlah kontrak dan tempoh konsesi. Mengapakah tender terbuka tidak dijalankan sehingga syarikat antarabangsa yang melabur di Malaysia seperti B Braun tidak diberikan peluang untuk menjual produk mereka.

55. PR-000-L42008
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesemua penasihat dan pegawai yang diupah oleh Jabatan Perdana Menteri dan di bawah Butiran Senarai Penjawatan 2011, apakah jawatan-jawatan tersebut dibekalkan.

56. PR-000-L41248
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada akan ada kenaikan dan rombakan tarif elektrik dalam jangka masa 6 bulan ini.

57. PR-000-L42570
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan cara memperbaharui buku-buku teks/kurikulum di sekolah untuk memastikan bahawa pelajar adalah diajar Sejarah yang seimbang dan tidak berat sebelah, yang menggambarkan masyarakat Malaysia yang berbagai kaum, budaya dan agama.

58. PR-000-L42666
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tahap pencapaian objektif Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) untuk meningkatkan taraf hidup sosio-ekonomi penanam nenas di Batu 18, Jalan Ayer Hitam, Parit Yusof, Muar sehingga melepasi sekurang-kurangnya 2 kali ganda daripada piawai garis kemiskinan pada tahun 2010 serta nyatakan jumlah peruntukan yang diberi dan senaraikan bilangan penanam nenas yang telah berjaya melepasi belenggu kemiskinan.

59. PR-000-L42381
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai polis yang terlibat dalam Laporan Polis No. Sg Maong/ 003253/08 bertarikh 21-8-2008 dan No. Sekama/007339/08 bertarikh 21-8-2008 di mana pegawai polis tersebut telah mengugut beberapa orang wanita dengan pistol tanpa alasan yang munasabah.

60. PR-000-L41384
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap pembangunan projek LCCT 2 pada ketika ini dan bilakah ia dijangka dapat mula digunakan, apakah perancangan Kerajaan untuk memudahkan perjalanan pengguna lapangan terbang tersebut supaya masalah pengangkutan yang kini berlaku di LCCT sedia ada dapat diatasi sepenuhnya.

61. PR-000-L41708
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Pengurusan Bencana Negara akan dibentangkan di Parlimen.

62. PR-000-L41244
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) sama ada Kerajaan bercadang untuk melantik pesara tentera sebagai Senator sebagaimana yang diamalkan oleh negara maju; dan

(b) jenis kemudahan kebajikan para pesara tentera, polis, penjara dan bomba terutama sekali di kalangan pegawai berpendapatan rendah, misalnya pemberian rumah tetap selepas bersara.

63. PR-000-L41211
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) nilai pelepasan cukai yang diberikan kepada AirAsia merupakan 60 peratus bagi pembelian aset *(capital expenditure)* dari mula beroperasi sehingga tahun 2009; dan

(b) berapakah jangkaan jumlah pelepasan cukai yang akan diterima oleh AirAsia hingga tahun 2014.

64. PR-000-L41834
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan perlaksanaan rancangan menjadikan Kuala Lumpur sebagai Hub Hiburan Malam boleh membawa kebaikan.

65. PR-000-L41654
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Dewan Undangan Negeri manakah yang belum meluluskan peralihan kuasa menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan dan apakah akibat ketidak lulusan tersebut apabila Akta 672 dikuatkuasakan pada bulan April seperti yang telah diumumkan.

66. PR-000-L42576
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah penggunaan AES oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi merekod dan menyaman pesalah trafik secara pantas dan segera tidak membebankan lagi pengguna jalan raya, walhal di bawah sistem lama masih terdapat jutaan saman yang belum dibayar.

67. PR-000-L42301
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana masalah kekurangan minyak masak boleh berlaku dan cara penyelesaian bagi jangka masa panjang sedangkan negara merupakan pengeluar minyak masak sawit utama dunia.

68. PR-000-L41267
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program bersesuaian yang boleh melayakkan seseorang individu memohon Dana Belia 1Malaysia dan siapakah serta apakah syarat-syarat kelayakan bagi memohon dana tersebut.

69. PR-000-L43026
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah signifikan pelantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad untuk meningkatkan semula simpanan tunai Felda yang dipercayai telah menurun kepada RM1.35 bilion pada 2009 berbanding RM4.08 bilion pada 2004 sedangkan beliau pernah terlibat dalam politik wang.

70. PR-000-L42090
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab keengganan Kementerian untuk menarik balik penggunaan buku Interlok di sekolah dan adakah Kerajaan menggunakan buku ini untuk memecah-belahkan masyarakat India untuk kepentingan politik.

71. PR-000-L41603
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah nilai hutang isi rumah terkini dan peratusnya berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara; dan

(b) adakah Bank Negara Malaysia (BNM) menetapkan sebarang sasaran maksimum peratusan hutang isi rumah dan pendekatan yang bakal diambil jika kedudukan hutang isi rumah berada di luar negara.

72. PR-000-L42170
Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faktor-faktor berlakunya kehilangan kanak-kanak dan remaja ketika ini. Adakah kehilangan mereka ini ada kaitannya dengan sindiket pemerdagangan manusia.

73. PR-000-L43087
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah novel Interlok akan ditarik balik dari penggunaannya di sekolah-sekolah.

74. PR-000-L41656
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah projek-projek Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah suhu iklim dan apakah langkah-langkah untuk menurunkan 40 peratus emisyen karbon seperti yang dicadangkan oleh YAB. Perdana Menteri kepada *Kyoto Protocol.*

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

   * Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011

2. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

   * Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011

---

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] dan masalah dicadangkan :-**

" Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

" Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kedua Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (14 Mac, 2011)

2.	(D.R. 47/2010)	Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2010 **[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 43/2010)	Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010 **[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]**	"
4.	(D.R. 34/2010)	Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010 **[Kementerian Kesihatan]**	"
5.	(D.R. 38/2010)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2010 **[Kementerian Pengangkutan]**	"
6.	(D.R. 39/2010)	Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010 **[Kementerian Pengangkutan]**	"

7.	(D.R. 42/2010)	Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 **[Perdana Menteri]**	“
8.	(D.R. 44/2010)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010 **[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]**	“
9.	(D.R. 46/2010)	Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
10.	(D.R. 30/2010)	Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 **[Kementerian Kewangan]**	“
11.	(D.R. 48/2010)	Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
12.	(D.R. 45/2010)	Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 **[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]**	“
13.	(D.R. 2/2011)	Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 **[Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri]**	“
14.	(D.R. 1/2011)	Rang Undang-undang Veteran 2011 **[Kementerian Pertahanan]**	“
15.	(D.R. 3/2011)	Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 **[Kementerian Belia dan Sukan]**	“

16. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 "

[Kementerian Kewangan]

17. PR-000-U41523
Menteri Kewangan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa Danalnfra Nasional Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

18. PR-000-U41312
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara kita sering dilanda bencana banjir kilat yang bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada rakyat dan negara, malah terdapat juga kehilangan nyawa. Dan mengambil maklum bahawa sebahagian besar punca berlakunya bencana banjir kilat ini disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, di mana sungai-sungai, saliran-saliran dan kolam-kolam takungan air telah menjadi cetek disebabkan oleh mendapan lumpur dan pasir.Dan mengambil maklum juga bahawa mendapan lumpur dan pasir-pasir di tempat-tempat yang disebutkan tadi adalah disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, misalnya penimbusan tanah secara terbuka, pembangunan tidak terancang, pembukaan ladang-ladang dan lain-lain lagi aktiviti pembangunan. Dan mengambil maklum bahawa dalam banyak kes, laporan kesan alam sekitar (EIA) tidak disediakan langsung atau tidak dipatuhi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian yang berkaitan untuk meminda mana-mana akta yang perlu bagi menguatkuasakan peraturan sedia ada atau peraturan baru bagi mengatasi masalah yang mendatangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

19. PR-000-U41326
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah perkuburan yang tidak terurus atau dikendalikan dengan baik, di mana ianya tidak disusun dengan rapi yang menyebabkan banyak kawasan kubur yang tidak dapat digunapakai.

Dan mengambil maklum bahawa kos penyelenggaraan dan pemuliharaan tanah perkuburan kian meningkat, banyak tanah perkuburan yang terbiar dan menjadi seperti kawasan belukar. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan tanah perkuburan tidak dijaga ataupun diselia dengan baik kecuali sesetengah tanah perkuburan yang ditadbir oleh badan JKKK atau JK tanah perkuburan di kampung yang berkaitan. Dan mengambil maklum juga bahawa pada ketika ini belum ada mana-mana peraturan sedia ada yang memastikan satu-satu tanah perkuburan diselenggara atau dijaga dengan baik bagi memastikan ianya sentiasa bersih dan terpelihara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu lembaga atau yayasan yang akan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menyelia tanah-tanah perkuburan di seluruh negara agar ianya sentiasa terpelihara sama ada dari segi kesihatan, kebersihan mahupun keindahan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

20. PR-000-U41335
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah tanah terbiar kian berleluasa. Dan mengambil maklum bahawa masalah bukan sahaja tidak mendatangkan sebarang hasil kepada pemilik tanah tersebut, malah ianya akan mendatangkan masalah lain seperti tempat pembiakan nyamuk aedes, ular, tikus dan sebagainya yang boleh mendatangkan berbagai jenis penyakit. Dan mengambil maklum juga bahawa perkara ini berlaku kerana beberapa sebab misalnya si pemilik tidak mampu untuk mengusahakan tanah tersebut , tanah tersebut terlalu kecil keluasannya, keluasan tanah yang tidak mencukupi bagi syarikat besar seperti FELCRA untuk mengusahakannya dan lain-lain sebab lagi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu akta atau peraturan di mana ianya akan dapat mendorong atau memastikan bahawa pemilik tanah-tanah terbiar tersebut untuk mengusahakannya. Di samping itu, menubuhkan satu koperasi bagi memajukan tanah-tanah tersebut dengan dana disumbangkan oleh syarikat swasta (di bawah Program CSR) dan Kerajaan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

21. PR-000-U41341
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kebanyakan benteng sungai-sungai di pekan-pekan utama dibina dengan konkrit. Dan mengambil maklum bahawa sungai-sungai konkrit ini bukan sahaja tidak mesra alam, tumbuhan yang lazimnya tumbuh di tebing-tebing sungai juga tidak dapat tumbuh. Dan mengambil maklum juga bahawa sungai-sungai konkrit ini juga tidak memberikan ruang bagi ikan-ikan di sungai untuk meletakkan telur mereka dan membiak, seperti mana lazimnya berlaku di sungai-sungai semulajadi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menambah mana-mana peraturan sedia ada, supaya benteng-benteng sungai dibina dengan menggunakan cerucuk kayu keras ataupun *"interlocking bricks"* bagi membolehkan rerumput tumbuh dan juga ikan-ikan bertelur dan membiak (sebagaimana yang dibina di bandar Sibu, Sarawak). Kaedah ini adalah lebih mesra alam di samping mengekalkan flora dan fauna serta kehidupan marin sungai tersebut."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

22. PR-000-U41523
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan faktor-faktor seperti inflasi, dasar yang tidak adil, keadaan hak asasi, kedudukan kekurangan kebebasan media yang menjejaskan kehidupan rakyat. Bahawa Dewan ini juga membincangkan apakah perbezaan di antara Malaysia berbanding dengan negara Mesir yang mengalami pemberontakan 'bunga melati' moden."

(Perdana Menteri)

23. PR-000-U41525
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan keperluan untuk mengkaji secara menyeluruh kekurangan kualiti sesetengah doktor di negara ini serta cara-cara untuk mengatasinya. Dewan ini juga membicarakan sebab-musabab Majlis Perubatan Malaysia tidak dapat mengawal dengan berkesan standard graduan perubatan lebih 3,500 orang setiap tahun."

(Menteri Kesihatan)

24. PR-000-U43074
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

25. PR-000-U43075
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

26. PR-000-U43076
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

27. PR-000-U43077
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

28. PR-000-U43078
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

29. PR-000-U41480
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan membincangkan mengenai perjanjian di antara pihak Petronas dangan Kerajaan negeri Sabah dan Persekutuan berkaitan cari gali minyak yang bukan sahaja mengandungi minyak mentah tetapi juga terdapat bahan-bahan lain seperti gas agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menentukan dasar dan cara untuk meneliti dan mengkaji semula hasil galian tersebut demi untuk kebaikan bersama".

(Perdana Menteri)

30. PR-000-U41484
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan meluluskan supaya kakitangan Kerajaan yang ditugaskan oleh SPR semasa pilihan raya berlangsung dan mereka yang bertugas di luar kawasan pada ketika itu termasuklah anggota polis, tentera dan sebagainya yang membuang undi secara undi pos seharusnya mengundi dengan sebebas-bebasnya tanpa dipengaruhi atau diarah oleh mana-mana pihak. Para pengundi pos ini mesti dan haruslah membuang undi untuk calon dari kediaman asal atau alamat tetapnya dan bukan di kawasan di mana pengundi itu bertugas."

(Perdana Menteri)

31. PR-000-U41490
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membincangkan dengan seriusnya mengenai kemuliaan rakyat negara kita sebagai Rakyat Malaysia dengan suku-suku kaum masing-masing dan bukan hanya dengan sebutan suku kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang jelas mengetepikan suku-suku kaum dari Sabah dan Sarawak.

Keadaan tersebut merupakan satu penghinaan bagi kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak yang dicatat sebagai 'lain-lain' dalam borang-borang pentadbiran Kerajaan yang perlu dicatat sejelas-jelasnya mengikut suku bangsa rakyat Malaysia yang telah wujud sekian lama di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

32. PR-000-U41436
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan mereka sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

33. PR-000-U41440
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi sendiri".

(Perdana Menteri)

34. PR-000-U41442
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kementerian Pelajaran menyemak dan menyusun semula sukatan pelajaran subjek Sejarah Malaysia bagi memasukkan input yang tertinggal supaya ia lebih komprehensif, terbuka dan menjadi menarik untuk dipelajari".

(Menteri Pelajaran)

35. PR-000-U42596
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya menubuhkan satu badan bebas bagi menjalankan kajian terperinci untuk mengenalpasti keperluan untuk membina sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru."

(Menteri Pelajaran)

36. PR-000-U42599
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus mengambil maklum bahawa Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang bagi mensyaratkan semua wakil rakyat mengumumkan aset milikan/kekayaan peribadi secara terbuka".

(Perdana Menteri)

37. PR-000-U42601
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya mengambil ketetapan yang rasional dalam pemilihan jumlah golongan bukan melayu secara seimbang dalam sektor perkhidmatan awam."

(Perdana Menteri)

38. PR-000-U42289
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengembalikan hak kepada Negeri untuk melantik Pegawai Eksekutif *Ex-officio* yang memberi kuasa kepada Menteri Besar yang dipilih rakyat dan menghormati kedaulatan negeri. Jelasnya, pemindahan Perlembagaan pada Tahun 1983 terbukti adalah memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara untuk campur tangan dalam pentadbiran negeri."

(Perdana Menteri)

39. PR-000-U41589
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan kepada Kerajaan agar:-a) mengurangkan umur minimum kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun;b) menjadikan pendaftaran untuk mengundi adalah satu perkara yang automatik; dan c) pengundi berdaftar adalah diwajibkan keluar mengundi."

(Perdana Menteri)

40. PR-000-U41590
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan agar satu mekanisma yang efektif dalam bentuk jangka masa pendek dalam menangani masalah banjir di negara ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

41. PR-000-U41591
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar Kerajaan dapat mengawal harga barangan asas seperti susu, gula dan tepung yang kerap naik harga tanpa mengambil kira kesannya terhadap rakyat yang rata-ratanya berpendapatan sederhana dan rendah."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

42. PR-000-U41592
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil perhatian secara serius di mana terdapat ramai golongan muda kini telah diisytiharkan muflis akibat dari penggunaan kad kredit yang tidak terkawal."

(Menteri Kewangan)

43. PR-000-U41594
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengarahkan Kerajaan untuk meminta semua penerima konsesi tol agar mengkaji semula kadar tol di negara ini bagi mengurangkan beban rakyat."

(Menteri Kerja Raya)

44. PR-000-U41597
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar agama, dat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri dari pebagai kaum bagi mengelakkan perkara yang berlaku baru-baru ini di mana seorang pelatih beragama Sikh dipotong rambut panjangnya di Kem Pusat Khidmat Negara tidak berulang. Isu ini adalah pelanggaran hak asasi manusia dan hak beragama di Malaysia. Suruhan Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyiasat pekara ini. Jikalau orang ramai mengenali agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup kaum lain, pekara seumpama ini tidak akan berlaku dan isu perkauman juga dapat dihindari."

(Menterian Pelajaran)

45. PR-000-U41600
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat miskin tanpa mengira agama dan bangsa serta orang yang kurang upaya menjawat jawatan di sektor awam."

(Perdana Menteri)

46. PR-000-U41606
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan *Wifi* di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat menggunakan internet bagi menambah pengetahuan mereka dan ini dapat menggalakkan semua lapisan masyarakat menggunakan internet."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

47. PR-000-U41609
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyedia lebih banyak perkhidmatan membekalkan gas bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

48. PR-000-U41611
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan menggubal undang-undang agar anak-anak dihadapkan ke mahkamah sekiranya mereka mengabaikan ibu bapa mereka yang sudah tua."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

49. PR-000-U42038
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene yang telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara".

(Menteri Pertahanan)

50. PR-000-U42040
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong bahawa Perdana Menteri untuk menjelaskan kekeliruan yang disebabkan atas jawapan beliau tentang perbelanjaan Isteri Perdana Menteri pada Dewan yang lepas iaitu pada November 2010 yang tidak dipadani dengan kewujudan "First Lady of Malaysia Division" seperti yang ditunjukkan oleh direktori laman web Jabatan Perdana Menteri."

(Perdana Menteri)

51. PR-000-U42020
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Arab Saudi, Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan "Ops Piramid" untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap dalam pergolakan berdarah di bumi Mesir".

(Menteri Luar Negeri)

52. PR-000-U42023
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri supaya keanggotaan Panel Perunding dan Pencegah Rasuah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dikaji semula bagi mengelakkan sebarang tindakan anggota panel yang mencatatkan imej SPRM dan Kerajaan."

(Perdana Menteri)

53. PR-000-U42025
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YAB Perdana Menteri mengkaji semula pengurusan dana dan bentuk pelaburan Lembaga Tabung Haji Malaysia. Dewan ini sedar tentang wujudnya kerisauan di kalangan umat Islam tentang penglibatan Lembaga Tabung Haji dalam pelaburan berisiko tinggi di dalam dan luar negara".

(Perdana Menteri)

54. PR-000-U42028
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil langkah-langkah perlu untuk membersihkan bandaraya-bandaraya kita daripada sindiket "pengemis dan peminta derma" yang memperalatkan kanak-kanak, orang tua,

orang kurang upaya dan pendatang asing. Dewan sedar bahawa tindakan 'pengemis dan peminta derma' ini menjejaskan imej negara dan menimbulkan persepsi negatif terhadap Kerajaan dan rakyat, selain masalah keselamatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

55. PR-000-U42030
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Kewangan memansuhkan pendekatan penghapusan subsidi secara total dalam kerangka Model Baru Ekonomi (NEM). Dewan mengambil iktibar bahawa tindakan drastik penghapusan subsidi akan menggugat kestabilan sosial dan mungkin mengancam keselamatan negara seperti yang pernah berlaku di beberapa negara jiran, termasuk Indonesia pada lewat tahun 90an dan situasi terkini di negara Mesir."

(Menteri Kewangan)

56. PR-000-U42273
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Dalam Negeri)

57. PR-000-U42275
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketatapan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

58. PR-000-U42278
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

59. PR-000-U42196
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

(Perdana Menteri)

60. PR-000-U42197
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan pindaan 2010 dikuat kuasakan."

(Menteri Dalam Negeri

61. PR-000-U42199
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

62. PR-000-U42201
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

63. PR-000-U42203
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 20 peratus."

(Perdana Menteri)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN RAKYAT)

TAHUN 2010	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.182	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia Bagi Tahun 2009	15 Mac 2011